

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

SOALAN NO. 122

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah cara-cara bagi menangani isu-isu berkaitan jenayah siber dengan lebih menyeluruh dan efektif.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dalam usaha menangani peningkatan jenayah siber. Agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga boleh mengambil tindakan di bawah bidang kuasa masing-masing bagi kes jenayah siber.

2. Dalam menangani kes-kes penipuan dalam talian, jalinan kerjasama erat antara pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan agensi penguatkuasaan seperti pihak PDRM, KPDNHEP dan BNM telah pun sedia terjalin meliputi aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisa forensik digital, serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

3. Pihak SKMM membantu dalam aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisis forensik digital, serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC juga telah ditubuhkan bagi menyelaras tindakan penguatkuasaan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 agar tindakan penguatkuasaan yang strategik dan tersusun dapat diambil bagi menangani kesalahan jenayah siber termasuklah yang berkaitan penipuan atau *scam*.

4. Pihak penyedia perkhidmatan komunikasi juga telah diarahkan untuk mengemaskini pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar untuk memastikan bahawa semua nombor yang aktif disahkan dengan sewajarnya. Ini bagi mengelakkan ianya disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan dan seumpamanya.

5. Kementerian juga mengambil tindakan penguatkuasaan berasaskan aduan daripada masyarakat awam serta pihak yang terkesan, dan berlandaskan perundangan sedia ada.

6. Manakala pelaksanaan aktiviti pendidikan dan kesedaran dibuat dengan mendidik rakyat Malaysia agar menjadi pengguna media sosial yang berhemah dengan penekanan kepada kawalan sendiri. Antaranya adalah:

a. SKMM turut menjalin kerjasama dengan Persatuan Bank Bank Malaysia (ABM) dan PDRM sejak tahun 2015 dalam kempen Klik Dengan Bijak (KDB) dengan mesej tentang Penipuan (Scam). Mesej advokasi ini dipromosikan melalui iklan akhbar, papan iklan, video dalam talian, iklan digital, serta hantaran media sosial melalui *key opinion leaders*.

b. Mesej advokasi KDB juga dimasukkan dalam modul latihan SKMM untuk melatih Pengurus dan Penolong Pengurus daripada 873 Pusat Internet awam di seluruh negara.

c. Pihak *CyberSecurity Malaysia* (CSM) juga telah melaksanakan program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness For Everyone*) bagi memberi kesedaran mengenai kepentingan keselamatan siber, menyebarkan maklumat mengenai insiden keselamatan siber masa kini serta memupuk amalan terbaik dalam kalangan warga digital Malaysia mengenai penggunaan media sosial secara beretika, bertanggungjawab dan berintegriti.

7. Selain itu, Kementerian ini juga turut mengadakan kempen melalui siaran televisyen dan radio untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan dengan jenayah siber tanpa mengira had umur. Beberapa siri taklimat bertajuk Isu dan Ancaman Jenayah Siber di Malaysia juga turut dilaksanakan dengan kerjasama pihak PDRM bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai jenayah dalam talian dan secara tidak langsung memberi pendidikan kepada orang ramai cara-cara mengelak dan melindungi diri daripada menjadi mangsa jenayah dalam talian sekaligus membanteras jenayah ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bagaimana kekosongan kerja untuk pekerja asing bagi sektor tertentu akan dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan warganegara tanpa adanya kenaikan gaji jika masih tiada pembaharuan dilakukan dari segi gaji dan keselamatan sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Adalah menjadi hasrat kerajaan agar rakyat tempatan dapat mengisi kekosongan jawatan yang tersedia ditawarkan oleh majikan-majikan di Malaysia begitu juga dengan kekosongan jawatan yang telah dikosongkan oleh pekerja asing.

2. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak kerajaan seperti berikut;

a. melalui Program Hiring Incentive oleh PERKESO para majikan yang mengambil pekerja tempatan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada diberi bantuan kewangan seperti berikut:

i. RM800.00 sebulan untuk tempoh 6 bulan jika majikan mengambil pekerja tempatan yang berumur 40 tahun ke bawah; dan

ii. RM1000.00 sebulan untuk tempoh 6 bulan jika majikan mengambil pekerja tempatan yang berumur 40 tahun ke atas ataupun orang kurang upaya.

Selain itu, bantuan mobiliti juga disediakan kepada pekerja yang perlu berpindah tempat pekerjaan jika jarak melebihi 100 km. Bantuan yang diberi adalah sebanyak RM800.00 bagi Semenanjung Malaysia dan RM1000.00 bagi Sabah dan Sarawak secara *one off*.

b. PSMB pula menawarkan program-program *upskilling dan reskilling* berkonsepkan *place and train* kepada pekerja-pekerja.

3. Sehubungan dengan itu, warga tempatan perlulah merebut peluang yang telah disediakan dalam bentuk bantuan kewangan bulanan dan insentif latihan kemahiran bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada.

SOALAN NO : 129

4. Dalam masa yang sama pihak PERKESO juga telah menambahbaik perlindungan Keselamatan Sosial di Malaysia dengan memperkenalkan skim-skim yang baru. Kerajaan juga sentiasa mengkaji keperluan menambah baik perundangan berkaitan perlindungan sosial serta perundangan yang sedia ada bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan sosial pekerja di Malaysia lebih terjamin.

5. Manakala, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sedang menguatkuasakan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446) bagi memastikan pekerja-pekerja mendapat perlindungan dan peningkatan dalam persekitaran penginapan yang lebih sihat dan kondusif.

6. Melalui inisiatif-inisiatif dibawah KSM yang disebutkan diatas, jika dimanfaatkan dari segi bantuan kewangan, latihan-latihan kemahiran yang ditanggung oleh kerajaan serta perlindungan sosial dan perundangan pastinya dapat menyumbang ke arah peningkatan taraf keharmonian di tempat kerja serta tahap produktiviti. Tahap produktiviti yang tinggi ini seterusnya akan menguntungkan majikan dan secara tidak langsung meningkatkan lagi keupayaan majikan untuk menawarkan bayaran gaji yang lebih menarik kepada rakyat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilanya Kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengubah sistem percukaian di negara kita yang selama ini bergantung kepada cukai langsung (*Direct Taxes*) supaya kadar pungutan cukai dapat ditingkatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prinsip pengenaan cukai yang digunapakai di Malaysia adalah selaras dengan amalan percukaian yang diamalkan oleh seluruh dunia. Komposisi percukaian negara terdiri daripada pengenaan cukai langsung dan cukai tidak langsung. Secara prinsipnya, cukai langsung dikenakan kepada pembayar cukai ke atas sumber pendapatan yang diperolehi di Malaysia, manakala cukai tidak langsung dikenakan berdasarkan penggunaan (*consumption*) ke atas jualan barang dan perkhidmatan yang dibeli dan digunakan oleh pembayar cukai.

Bagi terus meningkatkan dan mengukuhkan hasil kutipan cukai, Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif untuk meneroka sumber percukaian baharu, selain memperkemas sistem pentadbiran percukaian sedia ada secara holistik. Kerajaan juga mengikuti perkembangan sistem percukaian antarabangsa serta menerapkan amalan percukaian terbaik khususnya melibatkan aspek perkongsian maklumat, pemantauan, siasatan dan kutipan. Ini bagi memastikan sistem percukaian negara yang sentiasa telus, saksama dan dapat menyokong serta memantapkan lagi penjanaan hasil negara agar Kerajaan dapat terus membiayai projek pembangunan secara inklusif demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.